



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **DAKWAAN ARAHAN WAJIBKAN KAKITANGAN KEMENTERIAN 'LIKE' DAN 'SHARE' AKAUN MEDIA SOSIAL**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengambil maklum tentang muat naik status di laman Facebook yang tular sejak semalam (20 April 2021) mendakwa bahawa Menteri Komunikasi dan Multimedia mewajibkan semua kakitangan KKMM untuk 'like' dan 'share' akaun media sosial YB Menteri dan Timbalan Menteri.

KKMM ingin menafikan dakwaan tersebut. Tiada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh YB Menteri berkaitan perkara ini.

Kementerian ini juga sentiasa menggalakkan penyertaan kakitangannya dalam bersama-sama menyokong hebatnya maklumat kepada khalayak termasuk melalui platform media sosial.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
21 April 2021**